

KESUSASTERAAN ARAB DAN KESUSASTERAAN INGGERIS: SATU SOROTAN KONTRASTIF

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: rohaida@usm.my

Noorul Shakirin Mohamed Hassan

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: noorul@usm.my

ABSTRAK

Kesusasteraan Arab dan kesusasteraan Inggeris merupakan dua hasil seni yang kaya dan berbeza yang merangkumi pelbagai tema, gaya penulisan, dan pengaruh budaya. Kajian ini membentangkan satu sorotan kontrasitif antara kesusasteraan Arab dan kesusasteraan Inggeris dari sudut sejarah perkembangan, tema utama, gaya penulisan dan pendekatan sastera. Dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif berbentuk analisis teks, kajian ini meneliti persamaan dan perbezaan ketara antara kedua-dua tradisi kesusasteraan tersebut. Kesusasteraan Arab yang berakar daripada tradisi lisan dan agama yang menampilkan tema-tema seperti pujian kepada pemimpin, perjuangan, cinta Ilahi dan nilai moral manakala kesusasteraan Inggeris berkembang melalui pelbagai era seperti zaman Pertengahan, renaissance dan modenisme dengan tema yang lebih berfokus kepada individualisme, humanisme dan penerokaan psikologi manusia. Gaya penulisan dalam kesusasteraan Arab banyak dipengaruhi oleh retorik, irama dan keindahan bahasa sementara kesusasteraan Inggeris lebih menekankan penceritaan naratif, simbolisme dan gaya eksperimental. Sorotan ini mendapati bahawa walaupun terdapat perbezaan budaya dan sejarah yang mendalam, kedua-dua kesusasteraan berfungsi sebagai cermin nilai masyarakat masing-masing dan sebagai medium untuk mengungkapkan pengalaman sejagat manusia. Kajian ini diharap dapat memperluas pemahaman tentang hubungan antara budaya melalui perspektif kesusasteraan dan menggalakkan kajian perbandingan lintas budaya yang lebih mendalam.

Kata kunci: kesusasteraan Arab; kesusasteraan Inggeris; sorotan kontrasitif

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan ialah seni karya sastera yang unik dan ia adalah seni yang berbeza mengikut negara asalnya. Terdapat sastera Melayu, Arab, Inggeris, Perancis, Itali, Jerman dan pelbagai jenis sastera lain. Ia merupakan cerminan budaya, pemikiran dan nilai sesebuah masyarakat.

Kesusasteraan Arab merujuk kepada hasil karya seni dalam bentuk tulisan atau lisan yang dihasilkan dalam bahasa Arab, yang meliputi pelbagai genre seperti puisi, prosa, cerpen, novel, drama, dan esei. Ia merupakan medium utama bagi orang Arab untuk meluahkan perasaan, pemikiran, falsafah dan nilai. Ia bukan sahaja mencerminkan kehidupan masyarakat Arab, malah berperanan penting dalam memperkaya tradisi intelektual Islam dan dunia Timur secara amnya.

Kesusasteraan dalam bahasa Inggeris pula merangkumi pelbagai hasil penulisan kreatif termasuk novel, skrip drama dan puisi. Ia bukan sahaja terhad kepada bahan bertulis tetapi juga meliputi sastera lisan yang diwarisi secara turun-temurun seperti hikayat, dongeng dan cerita rakyat. Warisan ini membuktikan bahawa kesusasteraan memainkan peranan penting dalam mengekalkan budaya, nilai, dan sejarah sesebuah masyarakat melalui pelbagai bentuk ekspresi seni bahasa. Penulisan sastera dalam bahasa Inggeris juga dipengaruhi aspek penting seperti konteks sejarah, evolusi masyarakat dan struktur sistem sosial yang wujud.

1.2 Permasalahan Kajian

Walaupun kesusasteraan Arab dan Inggeris masing-masing memiliki sejarah perkembangan yang panjang dan berpengaruh dalam tamadun manusia, kajian perbandingan antara kedua-dua seni ini masih kurang diberi perhatian secara mendalam. Terdapat beberapa permasalahan utama yang mendorong keperluan untuk sorotan kontrasitif ini.

Pertamanya ialah kesusasteraan Arab berkembang dalam suasana budaya Timur yang berlandaskan agama, adat dan nilai komuniti, manakala kesusasteraan Inggeris banyak dipengaruhi oleh falsafah Barat seperti humanisme, rasionalisme, dan liberalisme. Bagaimana perbezaan konteks ini membentuk tema, teknik penceritaan, dan pendekatan kesusasteraan dalam kedua-dua tradisi?

Seterusnya, banyak pembaca dan pengkaji luar Arab atau Inggeris mengalami kesukaran untuk memahami gaya bahasa, struktur naratif, dan keindahan sastera yang unik dalam setiap tradisi. Apakah elemen-elemen khas yang membezakan karya sastera Arab daripada karya sastera Inggeris? Tambahan pula, kajian kontrasitif antara kedua-dua bidang ini masih terhad dan selalunya berfokus kepada aspek tertentu sahaja (seperti puisi atau novel). Adakah terdapat pola persamaan atau perbezaan mendasar dari segi tema universal seperti cinta, keadilan, peperangan dan perjuangan identiti?

Keempat ialah isu penerimaan dan persepsi. Terdapat jurang persepsi antara masyarakat Arab dan Barat terhadap nilai dan kedalaman kesusasteraan masing-masing. Bagaimanakah persepsi ini mempengaruhi penghargaan terhadap sastera Arab di Barat atau sebaliknya?

Dalam dunia moden yang dipacu oleh globalisasi, bagaimanakah kesusasteraan Arab dan Inggeris saling mempengaruhi antara satu sama lain, dan apakah bentuk evolusi yang berlaku dalam konteks kontemporari?

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk meneliti secara kontrasitif ciri-ciri utama kedua-dua tradisi kesusasteraan Arab dan Inggeris dalam usaha memahami persamaan dan perbezaan yang ketara antara kedua-duanya. Manakala secara khususnya, pengkaji ingin menjelaskan pengkelasan kesusasteraan Arab dan Inggeris, membandingkan perkembangan sejarah dan latar belakang kesusasteraan Arab dan Inggeris, menganalisis perbezaan dari aspek tema, gaya bahasa, struktur dan teknik naratif karya dalam kedua-dua karya kesusasteraan, memberi sorotan terhadap nilai budaya, falsafah dan agama yang diketengahkan dalam kedua-dua karya sastera dan menilai sumbangan kedua-dua tradisi kesusasteraan terhadap peradaban dan pemikiran sejagat.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia bukan sahaja memperkayakan bidang perbandingan sastera, malah membantu membina jambatan persefahaman budaya antara dunia Arab dan Barat, khususnya dalam konteks globalisasi masa kini.

Di antara kepentingan penyelidikan ialah dapat memperkaya pengetahuan kesusasteraan perbandingan. Kajian ini menyumbang kepada bidang kesusasteraan perbandingan dengan memperkenalkan analisis mendalam antara dua tradisi sastera besar, iaitu Arab dan Inggeris yang jarang dibandingkan secara sistematik.

Kajian ini dapat membantu membina jambatan kefahaman antara budaya Timur dan Barat dengan mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam tema, gaya dan pemikiran antara dua tradisi ini. Kajian ini mendedahkan kepelbagaian cara manusia merakam pengalaman hidup dan nilai melalui sastera, sekaligus memperluas pandangan pelajar dan pengkaji tentang fungsi dan bentuk kesusasteraan.

Kajian ini juga diharapkan dapat menonjolkan pengaruh konteks sejarah dan budaya. Dengan mengkaji latar belakang budaya, agama, dan sejarah membentuk kesusasteraan Arab dan Inggeris, kajian ini memperlihatkan betapa rapat hubungan antara sastera dan realiti sosial.

Dalam era globalisasi, memahami interaksi dan perbezaan sastera dari pelbagai budaya amat penting untuk mewujudkan dialog yang lebih inklusif dan toleran dalam dunia kesusasteraan antarabangsa.

2. KAJIAN LITERATUR

Bagi menjalankan kajian ini, beberapa literatur telah dijadikan sebagai rujukan dan panduan awal bagi mengukuhkan lagi skop kajian ini. Pengkaji menggunakan carian kata seperti kesusasteraan Arab, sastera Inggeris dan kajian perbandingan antara sastera Arab dan Inggeris.

Menyoroti kajian Mohammed A. A. Hizabr Alhusami (2016) di dalam artikelnya yang bertajuk “Arabic and English Literary Modernisms: Points of Convergence and Divergence” menjelaskan bahawa kajian perbandingan ini membentangkan perspektif baharu dalam membincangkan hubungan antara kesusasteraan Arab dan Inggeris.

Kajian Mohd Rafshamjani Bin Mohd Lasim. (2023) menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa persamaan antara kedua-dua sastera Arab dan Inggeris, akan tetapi ia berbeza antara satu sama lain dari konteks budaya dan sejarah yang tersendiri.

Selain itu, Ahmad Kannush Alshammari (2013) dalam kajiannya yang berbunyi “Arab Culture and English Literature: An Affinity” telah membuat kesimpulan bahawa kesusasteraan Arab moden dipengaruhi oleh kesusasteraan Inggeris, manakala kesusasteraan Inggeris juga dipengaruhi oleh kesusasteraan Arab pada zaman pertengahan.

Menurut Ghafar et. al. (2024) dalam pengajaran bahasa Inggeris, penggunaan bahan sastera bukan sahaja membantu pelajar memahami struktur tatabahasa dan aspek linguistik, tetapi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan keterlibatan mereka dalam pembelajaran. Kajian menunjukkan bahawa bahan sastera dapat memperkaya pengalaman pembelajaran dengan menyediakan konteks yang menarik dan bermakna.

Pelajar lebih bermotivasi untuk mempelajari bahasa Inggeris apabila mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti yang mempraktikkan penggunaan bahasa tersebut (Başaran, 2024). Pendekatan pembelajaran aktif bukan sahaja meningkatkan penguasaan bahasa tetapi juga menggalakkan perkembangan kemahiran komunikasi yang penting dalam situasi kehidupan sebenar.

3.METODOLOGI KAJIAN

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan (library research). Fokus utama ialah menganalisis dokumen bertulis, termasuk karya sastera, jurnal akademik, buku ilmiah, dan artikel sastera untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang perkembangan dan perbezaan antara kesusasteraan Arab dan kesusasteraan Inggeris.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Dokumen-dokumen yang digunakan bersifat sekunder terdiri daripada artikel jurnal, prosiding, kertas kerja persidangan dan tesis tentang kesusasteraan Arab dan Inggeris serta kajian perbandingan yang terdahulu tentang kesusasteraan kedua bahasa tersebut.

3.3 Teknik Analisis Data

Dokumen-dokumen tersebut diteliti dan dinilai bagi melengkapkan data kajian serta dianalisis secara induktif sebelum membuat rumusan dan dapatan. Terdapat tiga teknik yang digunakan iaitu analisis tematik, analisis kontekstual dan pendekatan perbandingan kontrasitif.

Pengkaji mengenal pasti tema utama yang berulang seperti cinta, keberanian, keagamaan, kebebasan politik dan identiti, menganalisis pengaruh faktor sejarah, budaya, dan agama terhadap pembentukan tema dan gaya dalam kedua-dua tradisi dan membandingkan aspek struktur, fungsi sosial, gaya bahasa dan nilai budaya antara kesusasteraan Arab dan Inggeris serta menyoroti persamaan dan perbezaan antara keduanya secara sistematik.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kita boleh menganggap bahawa perbezaan pertama antara kesusasteraan Arab dan kesusasteraan Inggeris ialah bahasa yang digunakan dalam kedua-dua jenis. Sudah pasti kesusasteraan Arab ditulis dalam bahasa Arab, manakala kesusasteraan Inggeris ditulis dalam bahasa Inggeris sahaja, namun terdapat perbezaan lain yang bergantung kepada beberapa faktor iaitu kategori kesusasteraan, sejarah dan asal-usul, tema, gaya bahasa, struktur dan teknik naratif, nilai budaya, falsafah dan agama yang diketengahkan serta sumbangan kedua-dua kesusasteraan ini terhadap peradaban dan pemikiran sejagat.

4.1 Kesusasteraan Arab

Pada peringkat awal iaitu zaman Jahiliyyah (sebelum 610M), kesusasteraan Arab banyak berpusat kepada sastera lisan. Bentuk sastera utama ialah syair, khutbah, peribahasa dan cerita rakyat. Sastera disampaikan secara hafalan, dari mulut ke mulut. Ia kaya dengan kosa kata, metafora, perumpamaan dan irama. Ia memainkan peranan penting sebagai medium ekspresi perasaan, semangat kabilah (kesukuan) dan falsafah hidup. Tema penting dalam sastera Jahiliyah ialah kebanggaan, pujian, sindiran, cacian, ratapan, cinta dan gambaran. Fungsinya ialah untuk menyampaikan berita, menjadi alat mempertahankan maruah qabilah dan alat pendidikan serta hiburan. Syair menjadi alat utama untuk mengungkapkan nilai keberanian, cinta, kemuliaan suku dan semangat peperangan. Pasar-pasar besar seperti Pasar Ukaz menjadi tempat penyair bersaing. Karya-karya agung seperti *Mu'allaqat*, karya Al-Jahiz, serta puisi Sufi oleh Rumi dan Al-Hallaj menandakan perkembangan spiritual dan intelektual kesusasteraan Arab. Walaupun dipanggil zaman "Jahiliyah" (zaman kejahilan), kesusasteraan Arab ketika itu sebenarnya sangat kaya, halus, dan mengagumkan dalam seni bahasa. Imru' al-Qais adalah salah seorang penyair paling terkenal dalam Al-Mu'allaqat. "Al-

Mu'allaqat" bermaksud "yang digantung" kerana dipercayai bahawa syair-syair ini digantung di dinding Kaabah kerana keindahannya. Ia biasanya terdiri daripada 7 hingga 10 penyair hebat, seperti Imru' al-Qais, Antarah ibn Shaddad, Zuhayr ibn Abi Sulma dan Labid ibn Rabi'ah. Berikut adalah petikan awal daripada syairnya yang masyhur:

قفا نبيك من ذكرى حبيب ومنزل
بسقط اللوى بين الدخول فحومل

Terjemahan:

"Berhentilah (wahai sahabatku), marilah kita menangis mengenang kekasih dan tempat tinggalnya, Di tanah Siktul-Liwa, antara Dukhul dan Haumel."

Kesusasteraan Arab bermula dengan tradisi lisan sebelum berkembang ke dalam bentuk bertulis selepas kedatangan Islam (610M – 661M). Bentuk sastera utama pada zaman ini ialah Al-Quran, hadis, syair dan khutbah. Sastera beralih fokus daripada bermegah-megah tentang suku dan duniawi kepada tauhid, seruan kepada kebenaran, akhlak mulia, pujian kepada nabi dan perpaduan ummah. Al-Quran memperkenalkan satu bentuk bahasa Arab yang paling tinggi dan menakjubkan. Bahasa Arab menjadi bahasa rasmi dakwah, pentadbiran, dan ilmu. Selain itu, dalam era kegemilangan tamadun Islam, kesusasteraan Arab turut memperlihatkan kemajuan dalam bentuk cerita-cerita rakyat, hikayat seperti *Alf Laylah wa Laylah* (Seribu Satu Malam), falsafah, serta karya ilmiah yang menggabungkan unsur sastera dan ilmu pengetahuan. Di antara tokohnya ialah Hassan ibn Thabit, Ka'ab ibn Zuhayr, Abu Darda' dan Abdullah ibn Rawahah. Antara contoh karya pada zaman ini ialah khutbah Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq.

أيها الناس، من كان يعبد محمدًا، فإن محمدًا قد مات، ومن كان يعبد الله فإن الله حي لا يموت

"Wahai manusia, sesiapa di antara kamu yang menyembah Muhammad, maka sesungguhnya Muhammad telah wafat. Dan sesiapa yang menyembah Allah, maka sesungguhnya Allah Maha Hidup, tidak akan mati."

Seterusnya, kesusasteraan Arab berkembang pada zaman Umawiyah (661M – 750M). Tema baru muncul seperti politik, perpaduan kaum, kritikan sosial dan cinta serta kerohanian. Sastera berkembang dengan lebih tersusun yang merangkumi pelbagai genre iaitu syair (puisi) dan *nasar* (prosa). Pada zaman ini munculnya puisi cinta yang dikenali sebagai ghazal. Manakala *nasar* pula terdiri khutbah politik, wasiat pemimpin dan surat rasmi kerajaan. Gaya bahasanya sangat indah dan penuh dengan irama dan metafora. Tokoh-tokoh sastera Umawiyah adalah Al- Farazdaq, Jarir, Akhthaal, Jamil Buthainah dan Umar bin Abi Rabi'ah. Antara contoh syair yang mempunyai gaya ghazal 'udhri (cinta suci) oleh Jamil Buthainah.

أحبك حبًا لا يُبدل بالبغض
ولا يعتريه الشك ما دام لي عمري
فيا بدر بُني لي لك القلب مُخلص
وفيك الهوى صدق ولا مكر في السر

Terjemahan:

Aku mencintaimu dengan cinta yang tidak berganti benci,
Dan tidak akan diselubungi ragu selagi aku masih hidup.
Wahai bulan hatiku, Buthainah, hatiku tulus untukmu,
Dalam cintaku padamu, tiada tipu daya, tiada rahsia.

Sastera Arab pada zaman Abbasiyyah (132–656H /750–1258M) adalah salah satu tempoh paling cemerlang dalam sejarah kesusasteraan Arab. Zaman ini menyaksikan perkembangan besar dalam pelbagai bentuk seni sastera daripada puisi hingga kepada prosa dan ia dipengaruhi oleh kemajuan dalam ilmu pengetahuan, falsafah, dan kebudayaan yang berkembang pesat pada masa tersebut. Jenis

sasteranya ialah puisi dan *nasar*(prosa). Terdapat puisi cinta dan puisi sufi. Nasar pula merangkumi penulisan sejarah, surat dan hikmah, khutbah dan pemikiran politik. Ciri-cirinya menyoroti tentang pemikiran dan falsafah serta gaya prosa yang halus. Abu Nuwas, Al-Jahiz, Al-Mutanabbi, Abu Tammam, Al-Hallaj dan Al-Farabi merupakan sasterawan ulung pada zaman ini. Puisi cinta oleh Abu Nuwas:

لَيْسَ فِي الْكَأْسِ إِلَّا صَدَى الْجَفَا
فَاتَّقِ اللَّهَ إِنَّا نَعِيشُ حَيَاتَنَا
وَفِي الزَّمَانِ مَجَاعَةٌ وَبُغْضٌ
وَمَا لَنَا فِي عُمْرٍ سِوَى النَّجَاءِ

Terjemahan:

Tidak ada yang tersisa dalam cawan selain bayang-bayang kesedihan,
Takutlah kepada Tuhan, kerana kita hanya hidup seketika.
Dan dalam zaman ini, ada kelaparan dan kebencian,
Tiada yang kita miliki dalam hidup ini kecuali keselamatan.

Selanjutnya, sastera Arab terus berkembang pada zaman Uthmaniyah (1517–1918M). Pada zaman pemerintahan Uthmaniyah, dunia Arab mengalami perubahan politik dan sosial yang besar. Kegiatan kesusasteraan Arab pada masa ini mengalami kemerosotan berbanding zaman kegemilangan Abbasiyah. Faktor utama ialah dominasi politik Uthmaniyah yang berpusat di Turki, menyebabkan bahasa Arab kurang diberi keutamaan, manakala bahasa Turki Uthmaniyah menjadi lebih dominan dalam bidang pentadbiran dan sastera rasmi. Genre sastera yang berkembang ialah puisi (syair), *nasar* (prosa), karya sejarah dan biografi serta *rihlah* (karya perjalanan). Tema utamanya adalah meliputi agama dan ketuhanan, kesetiaan politik dan pujian, sejarah dan identiti serta sufi dan kerohanian. Ciri-ciri utama ialah penulisan banyak meniru karya-karya klasik, tanpa banyak inovasi baru dari segi tema atau gaya, sastera berpusat pada syair keagamaan, khutbah, tafsir Al-Quran dan penulisan berunsur sufi, penggunaan gaya bahasa yang berlebihan (*saja'* dan metafora berlapis-lapis) menjadi trend, namun kadang-kadang mengurangkan kekuatan mesej, banyak karya sejarah, catatan perjalanan (*rihlah*) dan biografi ulama atau tokoh terkenal dihasilkan serta menjelang abad ke-19, muncul gerakan *Nahdah* (Kebangkitan Arab) yang mula menyuntik idea-idea baru dalam sastera Arab seperti nasionalisme, pembaharuan agama dan penggunaan bahasa yang lebih sederhana. Tokoh terkenal pada zaman ini adalah seperti Ahmad al-Shirbini, Abdul Rahman al-Jabarti dan Al-Busiri. Contoh puisi dari Mawlid al-Barzanji:

وُلِدَ الْهُدَى فَالْكَائِنَاتُ ضِيَاءُ
وَفَمِ الزَّمَانِ تَبَسُّمٌ وَنَتَاءُ
الرُّوحِ وَالْمَلَأَ الْمَلَائِكُ حَوْلَهُ
لِلدِّينِ وَالْدُّنْيَا بِهِ بُشْرَاءُ
وَالْعَرْشُ يَرُدُّهُي وَالْحَظِيرَةُ تَرُدُّهُي
وَالْمُنْتَهَى وَالسِّدْرَةُ الْعَصْمَاءُ

Terjemahan Bahasa Melayu:

‘Telah lahir sang petunjuk, maka seluruh alam menjadi bercahaya,
Dan mulut masa berseri-seri dengan senyuman dan pujian.
Roh dan para malaikat mengelilinginya,
Membawa berita gembira untuk agama dan dunia.
Arasy bergemerlapan, syurga dipenuhi keindahan,
Sidratul Muntaha berseri dengan cahaya yang tiada tandingan’

Kesusasteraan Arab pada zaman Andalusia (711–1492 M) merupakan salah satu peringkat yang paling subur dalam sejarah sastra Arab. Zaman ini menandakan kegemilangan kebudayaan dan sastra Islam di Semenanjung Iberia (termasuk Sepanyol dan Portugal sekarang). Karya-karya yang dihasilkan pada zaman ini banyak dipengaruhi oleh pengaruh Islam, kehidupan multi-cultural dan pencapaian intelektual dalam bidang sains, falsafah dan seni. Genre kesusasteraan pada era ini ialah puisi dan prosa. Puisi pula berbentuk qasidah dan ghazal. Prosa pula merupakan penulisan dalam bidang falsafah, politik dan keagamaan. Ia mempunyai keunikannya yang tersendiri iaitu multi-culturalisme. Ini kerana kehidupan di Andalusia menyaksikan kerjasama antara pelbagai kaum seperti Arab, Berber, Yahudi dan Kristian yang tercermin dalam karya-karya sastra. Hal ini menjadikan kesusasteraan Andalusia sangat berbeza dan kaya dengan keanekaragaman budaya dan kepercayaan. Antara karya yang masyhur ialah qasidah (puisi cinta) oleh Ibn Zaydun dan Wallada bint al-Mustakfi, Tawq al-Hamama (cincin merpati) yang telah ditulis oleh Ibn Hazm, Falsafah Tafsir Al-Quran yang telah dihasilkan oleh Ibn Arabi dan karya falsafah oleh Ibn Rushd. Kesusasteraan Andalusia memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada dunia Islam tetapi juga kepada dunia Barat, dan ia kekal menjadi warisan berharga yang mencerminkan pertembungan budaya yang indah antara Timur dan Barat. Contoh syair Andalusia Ibn Zaydun (1003–1071M):

أَلَا لَيْتَ شِعْرِي مَا تَحْتَ الرَّيشِ
مِنْ سِرٍّ وَفِيهِ لَذِيذٌ وَلَذِيذُ
أَسْبَدُّ الْيَوْمَ لَا يَسْتَقْبِدُ
وَعَنْ حُسْنِهِ مَعْنِيَاتٍ غَفِيفُ

Terjemahan dalam Bahasa Melayu:

"Aduh, alangkah aku ingin tahu apakah di bawah mahkota (hujung rambut) ini,
Tersimpan suatu rahsia yang penuh nikmat dan keindahan.
Apakah hari ini, aku akan bertemu dalam keadaan yang lebih baik,
dan menikmati kecantikan yang penuh dengan makna dan hikmah."

Zaman moden dalam sastra Arab merujuk kepada perubahan besar yang berlaku dalam seni sastra Arab yang bermula dari akhir abad ke-19 hingga ke abad ke-20 dan seterusnya. *Riwayah* (novel), puisi moden dan *masroh* (drama) merupakan bentuk kesusasteraan pada zaman *hadis*. Antara ciri-ciri kesusasteraan Arab moden ialah banyak dipengaruhi oleh sastra Barat dan berkisar tentang perjuangan kemerdekaan, keadilan sosial, dan perubahan politik. Contoh karya tersebut ialah novel "Palace Work" (1927) oleh Naquib Mahfouz, puisi "A Lover From Palestine" (1969) yang dihasilkan oleh Mahmoud Darwish dan drama "The People of The Cave" (1939) yang telah ditulis oleh Tawfiq Al-Hakim. Kesusasteraan Arab zaman moden merupakan cerminan kepada perubahan sosial, politik, dan identiti budaya dalam dunia Arab. Ia mencerminkan pencarian makna dalam dunia yang semakin global dan dalam banyak hal, ia menentang pemerintahan diktator, penjajahan dan perubahan dalam norma-norma tradisional. Penulis-penulis Arab moden ini menulis untuk mengekspresikan perasaan mereka terhadap realiti dunia moden dan memperjuangkan keadilan sosial, kemerdekaan dan kebebasan. Berikut adalah contoh syair Arab zaman moden.

أعيش في عالم ضاع فيه الأملُ
وفي القلبِ حزنٌ يكبرُ، ولا ينحلُ
كلما ناديتُ للسلام، رَدَنِي الظلامُ
في صمتٍ طويلٍ، يشدني الوجعُ والقلقُ
يا زمانَ الحبِّ، أينَ أنتَ؟
أينَ تلكَ الوجوهَ الطيبةَ التي كانت في دربنا؟
هل ضاع الأملُ في أفقٍ بعيدٍ؟
أم أن الأمانَ سيعودُ في يومٍ قريبٍ؟

Terjemahan dalam Bahasa Melayu:

Aku hidup di dunia yang hilang harapannya
Di dalam hati, kesedihan tumbuh, tak terurai
Setiap kali aku menyeru perdamaian, kegelapan menyambut
Dalam diam yang panjang, aku dibelenggu sakit dan kegelisahan
Wahai zaman cinta, di manakah dirimu?
Di mana wajah-wajah baik yang dulu ada di jalanku?
Apakah harapan telah hilang di cakrawala yang jauh?
Ataukah keamanan akan kembali suatu hari nanti?

4.2 Kesusasteraan Inggeris

Era kesusasteraan Inggeris bermula dengan era Geoffrey Chaucer (1340 – 1400) yang menjadi titik tolak penting dalam perkembangan kesusasteraan Bahasa Inggeris. Melalui karya koleksi cerita di dalam Canterbury Tales, Chaucer mempopularkan penggunaan bahasa Inggeris vernakular sebagai bahasa sastra serta memperkenalkan pelbagai inovasi dalam komposisi bahasa dan tradisi sastra. Penulisan yang digunakan pada zaman itu berbeza dengan bahasa Inggeris moden dari segi ejaan, sebutan dan struktur tatabahasa. Ini adalah perkara yang mencabar pemahaman pembaca masa kini tanpa pengetahuan latar belakang yang mendalam. Contoh di bawah adalah dari petikan koleksi cerita pendek 'The Knight's Tale' dari 'The Canterbury Tales' yang ditulis oleh Geoffrey Chaucer.

Teks asal: <i>WHILOM*, as olde stories tellen us, *formerly There was a duke that highte* Theseus. *was called <2> Of Athens he was lord and governor, And in his time such a conqueror That greater was there none under the sun. Full many a riche country had he won. What with his wisdom and his chivalry, He conquer'd all the regne of Feminie, <3> That whilom was y-cleped Scythia; And weddede the Queen Hippolyta And brought her home with him to his country With muchel* glory and great solemnity, *great And eke her younge sister Emily, And thus with vict'ry and with melody Let I this worthy Duke to Athens ride, And all his host, in armes him beside.</i>	Diterjemah ke bahasa Inggeris moden: <i>Stories of old have made it known to us That there was once a Duke called Theseus, Ruler of Athens, Lord and Governor, And in his time so great a conqueror There was none mightier beneath the sun. And many a rich country he had won, What with his wisdom and his troops of horse. He had subdued the Amazons by force And all their realm, once known as Scythia, But then called Femeny. Hippolyta, Their queen, he took to wife, and, says the story, He brought her home in solemn pomp and glory, Also her younger sister, Emily. And thus victorious and with minstrelsy I leave this noble Duke for Athens bound With all his host of men-at-arms around.</i>
---	--

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Kisah-kisah lama telah menceritakan
Tentang seorang Duke bernama Theseus,
Penguasa Athens, Tuan dan Gabenor,
Dan pada zamannya, beliau penakluk yang hebat
Tidak ada yang lebih gagah di bawah sang mentari.
Dan banyak negara kaya yang telah dimenangnya,
Dengan kebijaksanaannya dan pasukan kudanya.
Beliau telah menundukkan Amazon dengan kekerasan
Dan semua taklukan mereka, yang pernah dikenali sebagai Scythia,

Yang kemudiannya dipanggil Femeny. Hippolyta,
Permaisuri mereka, diambil sebagai isteri, dan diceritakan,
Dibawanya pulang dengan kemegahan dan kemuliaan,
Diikuti juga adik perempuannya, Emily.
Dan dengan itu sambutan kemenangan dan hiburan dilancarkan
Saya tinggalkan Duke yang mulia ini di Athens
Dengan semua tenteranya di sekelilingnya.

Seterusnya, Era William Shakespear pula mempolopori zaman kesusasteraan bahasa Inggeris Moden Awal yang bermula di England pada pertengahan abad ke-15 hingga ke pertengahan abad ke-17. Zaman ini merupakan peralihan penting bahasa Inggeris Pertengahan ke bahasa Inggeris moden yang digunakan kini. Secara permulaannya, zaman ini merubah sebutan panjang dan pendek huruf vokal untuk memudahkan pemahaman perubahan maksud dalam pertuturan. Selain itu, perubahan lain pula adalah dari segi penyerapan perbendaharaan kata baru dan struktur tatabahasa yang lebih fleksibel dan pola tekanan baris puisi yang digunakan diwujudkan untuk memberi irama yang harmoni dalam memudahkan penyampaian emosi dalam karya sastra yang ditonjolkan. Berikut adalah petikan skrip dari *'Romeo and Juliet'* yang ditulis oleh William Shakespear.

Teks asal: <i>But, wherefore, villain didst thou kill my cousin? that villain cousin would have kill'd my husband: back, foolish tears, back to your native spring; your tributary drops belong to woe, which you, mistaking, offer up to joy.</i>	Diterjemah ke bahasa Inggeris moden: <i>But, why did you (the antagonist) kill my relative? That evil relative would have killed my husband: back, foolish tears, back into my eyes; your streams of drops belong to woe, which you, mistakingly, offer up to joy.</i>
---	---

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Tetapi, kenapa saudaraku itu dibunuh?
Akankah dia membunuh suaminya:
Kembalilah, air mataku, pulang ke asalmu;
Kejatuhanmu hanya untuk kesedihan,
Di mana kamu, tersilapnya, memberikan untuk kegembiraan.

Zaman berikutnya dikenali sebagai Zaman Augustan (1701 – 1750). Zaman ini digunakan untuk merayakan zaman kegemilangan sastra Romawi. Penulis yang mempopularkan kesusasteraan ini termasuklah Alexander Pope, Jonathan Swift, Joseph Anderson dan Richard Steele. Karya-karya mereka banyak dipengaruhi oleh sastrawan Romawi seperti Virgil, Horace dan Ovid. Berikut adalah contoh petikan dari novel *'Gulliver's Travels'* yang ditulis oleh Jonathan Swift.

Teks asal:

My father had a small estate in Nottinghamshire: I was the third of five sons. He sent me to Emanuel College in Cambridge at fourteen years old, where I resided three years, and applied myself close to my studies; but the charge of maintaining me, although I had a very scanty allowance, being too great for a narrow fortune, I was bound apprentice to Mr. James Bates, an eminent surgeon in London, with whom I continued four years; and my father now and then sending me small sums of money, I laid them out in learning navigation, and other parts of the mathematics useful to those who intend to travel, as I always believed it to be, some time or other, my fortune to do.

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Bapaku memiliki estet kecil di Nottinghamshire: aku anak ketiga dari lima adik-beradik lelaki. Bapaku menghantarku ke Kolej Emanuel di Cambridge ketika aku berusia empat belas tahun, dimana aku tinggal selama tiga tahun, dan aku menerapkan diriku di dalam bidang yang dipelajari; tetapi kos perbelanjaanku, walau dengan wang elaun yang kecil, adalah terlalu sikit, aku juga terikat menjadi perantis En. James Bates, seorang pakar bedah terkemuka di London, dimana dengannya aku terus bertugas selama empat tahun; kadangkala, ayahku menghantar sedikit wang. Aku menyimpannya untuk keperluan pengajianku. Sebahagian daripadanya aku asingkan dengan niat untuk digunakan bagi tujuan perjalanan kerana aku sentiasa percaya, apabila tiba masanya, itu adalah rezekiku untuk melaksanakannya.

Berikutnya, era Romantik (Romantisisme) dalam kesusasteraan Eropah berkembang sekitar akhir abad ke-18 hingga awal abad ke-19, bermula sekitar tahun 1789 dan berlanjutan hingga sekitar tahun 1832. Gerakan ini muncul sebagai reaksi terhadap rasionalisme dan struktur sosial yang kaku pada zaman Pencerahan (Enlightenment) serta bertepatan dengan perubahan besar akibat Revolusi Perancis dan Revolusi Industri. Tokoh-tokoh sastera yang aktif di era ini termasuklah Percy Bysshe Shelley, John Keats, Walter Scott dan Jane Austen. Berikut adalah contoh petikan dari novel '*Pride & Prejudice*' yang ditulis oleh Jane Austen.

Teks asal:

It is a truth universally acknowledge, that a single man in possession of a good fortune must be in want of a wife.

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Ia adalah kebenaran yang diakui secara universal bahawa seorang lelaki bujang yang memiliki harta kekayaan mesti berkeinginan untuk mengahwini seorang isteri.

Era Viktorian menyaksikan revolusi industri yang mengubah landskap sosial dan ekonomi Britain. Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi seperti penemuan mesin wap, telegraf, dan telefon, mempercepatkan komunikasi dan pengangkutan serta merangsang pertumbuhan ekonomi. Namun, perubahan ini juga membawa cabaran sosial termasuk ketidaksetaraan kelas dan masalah perburuan. Sasterawan terkenal di era ini termasuklah Thomas Hardy, Rudyard Kipling dan Charles Dickens. Berikut adalah contoh petikan dari novel '*Our Mutual Friend*' yang ditulis oleh Charles Dickens.

Teks asal:

A heart well worth winning, and well won. A heart that, once won, goes through fire and water for the winner, and never changes, and is never daunted.

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Hati yang patut dimenangi, dimenangi dengan baik. Hati itu, setelah menang, telah meredah api dan air untuk pemenangnya, tidak akan pernah berubah dan tidak pernah gentar.

Kesusasteraan di era modenisme yang berkembang pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 mencerminkan perubahan mendalam dalam cara manusia memahami dunia, diri mereka sendiri dan hubungan mereka dengan masyarakat. Perkara ini dipengaruhi oleh peristiwa besar seperti Perang Dunia I, revolusi industri dan kemajuan dalam bidang psikologi serta sains. Ia menolak sistem naratif tradisional yang menggambarkan realiti yang kompleks dan kacau-bilau. Tokoh sastera di zaman ini termasuklah Robert Frost, Joseph Conrad, James Joyce, Earnest Hemingway dan Virginia Woolf. Berikut adalah contoh petikan dari novel '*Ulysses*' yang ditulis oleh James Joyce.

Teks asal:

Every life is in many days, day after day. We walk through ourselves, meeting robbers, ghosts, giants, old men, young men, wives, widows, brothers-in-love. But always meeting ourselves.

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Setiap kehidupan adalah seperti hari yang banyak, hari demi hari. Kita berjalan mengenali diri kita sendiri, bertemu dengan perompak, hantu, gergasi, lelaki tua, lelaki muda, isteri, janda, adik-beradik yang dikasihi. Tetapi sentiasa berjumpa dengan diri kita sendiri.

Melalui dapatan kajian di atas, penyelidik dapat merumuskan bahawa persamaan antara kesusasteraan Arab dan Inggeris adalah terdiri daripada sastra bertulis dan sastra lisan. Manakala perbezaan pula dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Perbandingan Kontrastif

Aspek	Kesusasteraan Arab	Kesusasteraan Inggeris
Kategori	Puisi dan prosa	Fiksyen dan bukan fiksyen
Sejarah	Bermula dengan tradisi lisan puisi pra-Islam (<i>Jahiliyyah</i>) yang menonjolkan keberanian, pujian, cinta dan penghinaan terhadap musuh	Bermula dengan karya epik seperti <i>Beowulf</i> dan berkembang melalui pengaruh gereja Kristian serta era Renaissance yang mengubah bentuk dan tema sastra
Tema	Cinta, keberanian, agama dan sosial	Cinta, humanisme, konflik identiti dan nilai moral
Gaya bahasa	Formal, puitis dan penggunaan metafora, hiperbola dan bahasa simbolik	Fleksibel, naratif dan eksperimental
Agama	Islam (selepas abad ke-7)	Kristian diikuti oleh sekularisme dan rasionalisme
Modenisasi dan globalisasi	Didorong oleh pertembungan dengan Barat	Didorong oleh revolusi industri dan falsafah moden

5. KESIMPULAN

Kesusasteraan Arab dan kesusasteraan Inggeris masing-masing berkembang dalam konteks budaya, sejarah, dan sosial yang berbeza, membentuk ciri-ciri unik dalam tema, gaya, dan struktur karya mereka. Kesusasteraan Arab banyak berteraskan nilai keagamaan, tradisi lisan, dan semangat kolektif, manakala kesusasteraan Inggeris menekankan individualisme, rasionalisme dan evolusi estetik mengikut zaman. Meskipun berbeza, kedua-duanya berkongsi nilai sejagat seperti pencarian kebenaran, perjuangan identiti dan penghargaan terhadap keindahan bahasa. Sorotan kontrastif ini memperlihatkan betapa kesusasteraan dunia saling melengkapi dan memperkaya wacana budaya manusia secara global.

6. RUJUKAN

- Ahmad Kannush Alshammari. (2013). Arab Culture and English Literature: An Affinity. [Online]: https://www.academia.edu/3368256/Arab_Culture_and_English_Literature_An_Affinity. (akses pada 26 April, 2025).
- Austen, J. (1994). *Pride and Prejudice*. (pp. 1). Penguin Books Ltd.

- Başaran, S. (2024). A descriptive Analysis and Classification of Drama Techniques for Language Teaching. *Shanlax International Journal of Education*, 12(2) 8-19. [Online]: <https://doi.org/10.34293/education.v12i2.7058>. (akses pada 20 Mei, 2025).
- Chaucer, G. (2000). The Canterbury Tales and Other Poems. (pp. 59). The Project Gutenberg Etext of The Canterbury Tales and Other Poems by Geoffrey Chaucer. [Online]: <https://www.gutenberg.org/ebooks/2383>. (akses pada 20 Mei, 2025).
- Coghill, N. (2003). The Canterbury Tales by Geoffrey Chaucer. (pp. 48). Penguin Books Ltd.
- Dickens, C. (627). Our Mutual Friend. (pp 650). Oxford University Press.
- Ghafar, Z. N., Raheem, B. R., Anjum, F., Sawalmeh, M. H. (2024). The Impact of Literature on the English Language Teaching and Learning Process: A Comprehensive Study. *Frontiers in English Language and Linguistics, FELL* 2(1), 15-21. [Online]: www.al-kindipublisher.com/index.php/fell. (akses pada 20 Mei, 2025).
- Joyce, J. (2009). Ulysses. (pp. 257). Dover Publications, Inc.
- Mohammed A. A. Hizabr Alhusami. (2016). Arabic and English Literary Modernisms: Points of Convergence and Divergence. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/320306423_Arabic_and_English_Literary_Modernisms_Points_of_Convergence_and_Divergence. (akses pada 26 April, 2025).
- Mohd Rafshamjani Bin Mohd Lasim. (2023). Analysis On The Comparison Of Key Feature Differences Between Classical Arabic Literature And Western Literature Circa 500 A.D. [Online]: <https://ejbl.uis.edu.my/index.php/e-jbl/article/download/137/72/576>. (akses pada 26 April, 2025).
- Mohd Sham Kamis, Khazri Osman, Zulkifli Nawawi & Kamarul Zaman Hamzah. Pengajian Kesusasteraan Arab Pada Zaman Arab Jahiliyyah. [Online]: <https://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/38>. (akses pada 6 April, 2025).
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Zawiah Seman. Penguasaan Bahasa Arab Dan Pengaruhnya Terhadap Kefahaman Teks Subjek Sastera arab STAM. [Online]: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/80381/1/%2811%29%2080381.pdf>. (akses pada 6 April, 2025).
- Shakespeare, W. (2024). Romeo and Juliet. (pp. 146). Oxford University Press.
- Shakespeare, W. (2008). Romeo and Juliet. In D. Hundsness, Romeo and Juliet by William Shakespeare. (pp. 29). [Online]: <https://www.scribd.com/doc/52790027/Romeo-and-Juliet-Abridged>. (akses pada 16 Mei, 2025).
- Swift, J. (1887). Gulliver's Travels. (pp14). G. P. Putnam's Sons.
- Siti Norizam Zakaria. Isu-Isu Kesusasteraan Arab Oleh Charles Pellat Dalam *The Encyclopaedia Of Islam*. [Online]: <https://doi.org/10.33102/uij.vol21no0.28>. (akses pada 13 April, 2025).